




**KENYATAAN MEDIA**  
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**  
**DAN**  
**MENTERI KEWANGAN II**  
**NEGERI SABAH**

**A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 374 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 41,040 kes. Satu (1) kes kematian direkodkan iaitu di Daerah Sandakan. Takziah kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Pada hari ini, seramai 306 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembuh 37,327 orang. Sejumlah 2,710 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 726 orang di hospital dan 1,984 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 69 orang dan 16 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Semporna bertukar dari zon jingga ke zon merah.

- 4 Pada hari ini, **TIADA** kluster baharu dilaporkan.
- 5 Daripada 374 kes positif COVID-19 yang direkodkan, sebanyak 259 kes (69.3%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 57 kes (15.2%), saringan rentas negeri 15 kes (4%), saringan kluster-kluster sedia ada 21 kes (5.6%), dan 22 kes (5.9%) adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,001 unit. Sementara, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) adalah 5,588 unit menjadikan jumlah keseluruhan 6,589 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 41.13%.

## **B. PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) SELURUH NEGERI SABAH**

- 1 Sehingga hari ini, sebanyak 41,040 kes positif COVID-19 telah direkodkan di seluruh Sabah.
- 2 Berdasarkan penilaian risiko oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, Majlis Keselamatan Negara (MKN) mengesahkan jumlah kes harian COVID-19 di negeri ini masih lagi tinggi dan menunjukkan peningkatan kes.
- 3 **Oleh yang demikian, Kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk tempoh 14 hari bermula jam 12.01 tengah malam, Rabu, 13 Januari 2021 sehingga 26 Januari 2021.**
- 4 Susulan larangan pergerakan merentas negeri dan daerah ini, operasi sekatan jalan raya (SJR) akan mula berkuat kuasa pada jam 12.01 tengah malam, Rabu, 13 Januari 2021.
- 5 Bagi tujuan membeli barangan keperluan dari pasar raya atau kedai runcit yang berdekatan, **HANYA DUA (2) anggota isi rumah** yang dibenarkan untuk keluar dan berada di dalam kenderaan yang sama.
- 6 Mana-mana individu yang melanggar larangan ini boleh **dikenakan kompaun maksimum RM1,000.**

### **C. PENAMATAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KG PAGINATAN DAN KG MARINGKAN RANAU**

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kg Paginatan dan Kg Maringkan Ranau yang dijadualkan tamat pada 11 Januari 2021.
- 2 Sehingga kini, KKM telah melaksanakan sebanyak 424 ujian saringan di Kg. Paginatan dan daripada jumlah itu sebanyak 45 kes positif COVID-19 telah direkodkan.
- 3 Manakala di Kg. Maringkan, 166 ujian saringan telah dilaksanakan dan secara kumulatif merekodkan sebanyak 23 kes positif COVID-19.
- 4 Walau bagaimanapun, KKM mengesahkan baki kes aktif di kedua-dua lokaliti ini menunjukkan *trend* penurunan dan terkawal.
- 5 Atas nasihat dan penilaian risiko oleh KKM, Kerajaan bersetuju untuk menamatkan PKPD di Kg Paginatan dan Kg Maringkan Ranau pada hari ini 11 Januari 2021 sebagaimana yang telah dijadualkan.

### **D. BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)**

Sehingga hari ini, sebanyak **315,248** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan sasaran.

### **E. BANTUAN LOGISTIK**

- 1 Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri mempunyai 236 buah kenderaan yang sedia digunakan bagi tujuan bantuan logistik COVID-19.
- 2 Daripada jumlah tersebut, sebanyak sembilan (9) buah kenderaan digunakan untuk mengangkut pesakit COVID-19 dan baki 227 kenderaan pelbagai jenis bersedia digerakkan jika perlu.

**F. KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **94.70%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Sipitang	95%
2	Kota Belud	95%
3	Kinabatangan	95%
4	Kudat	95%
5	Beaufort	95%
6	Kunak	95%
7	Semporna	95%
8	Kota Marudu	95%
9	Beluran	95%
10	Ranau	95%
11	Tuaran	95%
12	Keningau	95%
13	Tenom	95%
14	Papar	94%
15	Kota Kinabalu	94%
16	Penampang	94%
17	Sandakan	94%
18	Lahad Datu	94%
19	Tawau	94%

- 2 Pihak PDRM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengenakan kompaun RM1000.00 di bawah Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988).
- 3 Orang ramai dinasihatkan untuk terus patuhi SOP dan arahan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa bagi membendung penularan pandemik COVID-19.

## **G. LAPORAN SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS* (IOW)**

- 1 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di tiga (3) premis di dua (2) daerah iaitu Lahad Datu dan Kudat.
- 2 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 97 lokasi di 17 daerah. Hebahan dibuat dalam empat (4) bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Dusun, Bahasa Iranun dan Bahasa Bajau.

**Bersama-sama kita memainkan peranan serta bertanggungjawab dengan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan seharian untuk terus membendung penularan pandemik COVID-19 dengan sentiasa mematuhi SOP dan tidak berasa selesa kerana keadaan masih belum reda sepenuhnya.**

**#kitajagakita #normabaharu**

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**

11 Januari 2021